



DUNIA DIGITAL

Identiti Dalam Talian Dan Penyamaran

Identiti Sebenar

Berbual atau *chatting* menggunakan internet memang mudah dan menyeronokkan. Kita boleh berborak dengan rakan-rakan dan juga berjumpa kawan baru yang kebetulan mementeri *game* atau lagu yang sama seperti kita. Tetapi kita hendaklah berhati-hati apabila berkenalan menggunakan internet. Ini kerana memang susah untuk memastikan niat dan identiti sebenar seseorang. Apatah lagi *online friends* yang kita tidak pernah temui dalam kehidupan sebenar.



Kompleks Membeli-belah

Cuba adik-adik bayangkan yang dunia digital atau internet ini umpama sebuah kompleks membeli-belah yang sangat besar dan dipenuhi orang ramai yang perbagai rupa serta perangai.

Kanak-kanak yang melayari internet seorang diri, samalah seperti seorang kanak-kanak yang pergi ke kompleks membeli-belah tanpa ditemani ahli keluarga. Sudah pasti kanak-kanak itu akan berjumpa dengan orang yang baik, dan juga sebaliknya. Ada orang yang boleh dipercayai, dan ada juga orang yang suka menipu, atau ingin mengganggu kanak-kanak tersebut. Betul tak?

Jadi, jangan mudah mempercayai sesiapa yang hanya dikenali melalui internet. Ini kerana orang lelaki pun boleh menyamar menjadi seorang perempuan hanya dengan menggunakan gambar palsu dan nama samaran. Walaupun gambar profil yang dipaparkan kelihatan menarik dan sopan, tetapi tidak semestinya empunya profil itu seorang yang baik dan bermoral.



Pembohongan Dan Penyamaran

Kita sendiri tahu, betapa senangya berbohong di internet. Contohnya, kanak-kanak yang menipu umur sebenar di dalam *Facebook*. Ini kerana jika berumur kurang dari 13 tahun, dia tidak boleh mendaftar akaun *Facebook* sendiri. Orang dewasa juga suka menyamar menjadi orang lain, seperti menggunakan gambar artis terkenal sebagai gambar profil mereka.

Apabila kita berada di dalam internet seorang diri, kita mesti sentiasa ingat yang kita seolah-olah berada di dalam sebuah kompleks membeli-belah yang turut dikunjungi oleh penipu dan penjenayah yang ada kalanya kelihatan baik. Hal ini supaya kita tidak mudah terpedaya. Jadi, ayuh kita lihat tip berikut:

1. Pastikan *setting* adalah *private* bagi akaun *twitter* dan laman sosial yang lain. Jangan masukkan butir-butir peribadi.
2. Sentiasa ingat bahawa adik-adik berhak mengatakan TIDAK jika seseorang membuat adik-adik berasa tidak selesa dengan apa-apa mesej atau permintaan melalui internet. Jika menghadapi gangguan atau dibuli melalui internet, dapatkan bantuan pihak CyberSecurity Malaysia dengan menghantar e-mel ke **cyber999@cybersecurity.my**
3. Gunakan nama samaran atau nama panggilan. Jangan menggunakan nama penuh seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Tetapi jangan pula menggunakan identiti orang lain kerana perbuatan menyamar boleh menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang.
4. Contoh penyamaran yang tidak dibenarkan:
 - menyamar sebagai pegawai kerajaan seperti polis, pegawai kastam, dan sebagainya.
 - menyamar sebagai seorang selebriti.
 - menggunakan identiti palsu atau rekaan untuk melakukan perbuatan lain yang berniat menyalahi undang-undang.
 - membuka akaun *Facebook* (atau apa jua akaun media sosial) dengan menggunakan identiti rekaan, dan menyalahgunakan akaun tersebut untuk *troll*, mengganggu orang lain, memburukkan produk atau syarikat, atau menulis komen-komen yang menghina pemimpin di laman sosial.
5. Akhir sekali, apabila adik-adik berasa ragu-ragu atau keliru, tanyalah ibu bapa atau guru.

Untuk keterangan lanjut layari:

www.cybersafe.my